

**TPM Salahkan Penganjur, Bersih 3.0 Berakhir Dengan Keganasan, Kemusnahan
mStar Online
April 30, 2012**

PETALING JAYA: Sehari selepas demonstrasi besar-besaran Bersih 3.0 yang menggegarkan ibu negara, tumpuan beralih kepada siapa yang harus dipersalahkan terhadap keganasan, kucar-kacir dan kemusnahan yang ditinggalkan.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menyalahkan penganjur demonstrasi yang diterajui oleh Datuk S. Ambiga dengan berkata mereka perlu bertanggungjawab bagi kecederaan dan kerosakan harta benda.

Beliau berkata kerajaan telah mengikut undang-undang untuk mereka mengadakan satu perhimpunan aman dan menawarkan tempat alternatif untuk perhimpunan itu tetapi telah ditolak oleh pihak penganjur.

"Seperti yang kita dapat lihat, apa yang berlaku adalah satu bentuk rusuhan di mana polis telah diserang dan harta benda telah rosak," kata Muhyiddin selepas melancarkan Dialog Pendidikan Kebangsaan 2012.

Beliau juga menegur pemimpin Pakatan Rakyat kerana menghasut kemarahan di kalangan orang ramai.

"Walaupun Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya umum akan datang, mereka (Pakatan Rakyat) akan cuba sekali lagi untuk mempengaruhi minda rakyat untuk berfikir bahawa keputusan pilihan raya telah dipalsukan," katanya.

Walau bagaimanapun, Ambiga berkata keganasan tidak akan meletus jika polis tidak melepaskan gas pemedih mata dan meriam air kepada penunjuk perasaan.

Tindak balas polis juga mendatangkan persoalan dengan rakaman yang tersebar dengan akuan saksi kakitangan beruniform menyerang penunjuk perasaan.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menegaskan bahawa pihak polis telah bertindak secara profesional tetapi Majlis Peguam, yang menghantar 80 pemerhati mendakwa sebaliknya.

Klip video dan gambar penunjuk perasaan menyerang anggota polis dan kenderaan mereka juga telah menimbulkan persoalan sama ada demonstrasi adalah benar-benar aman bagi minda mereka yang telah berkumpul.

Polis menahan 512 orang sehingga perhimpunan berakhir. Semua telah dibebaskan dari pusat tahanan sementara di Pusat Latihan Polis.

Ketua Polis Kuala Lumpur DCP Datuk Mohamad Salleh berkata daripada jumlah itu, 30 adalah wanita. Lima kanak-kanak berusia antara sembilan dan 15 tahun, telah dibawa ke pusat tahanan bersama orang dewasa yang ditahan.

"Sebanyak 57 laporan polis telah dibuat berhubung perhimpunan tersebut, termasuk lapan daripada anggota polis yang cedera dan sembilan pada kenderaan polis rosak," katanya dalam satu kenyataan, Ahad.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/4/30/mstar_berita/20120430094711&sec=mstar_berita